

Bahasa dan Sastra dalam Lingkaran Kehidupan

Editor:

Sharil Nizam Sha'ri¹, Kamariah Kamarudin², Ernawati Atan³

Email:

sharil@upm.edu.my¹, kkamariah@upm.edu.my²,
erna@upm.edu.my³

Abstrak: Buku ini mengusulkan penulisan tentang bahasa dan sastra dalam kerencaman kajian. Para pengkaji membahaskan pelbagai isu yang melibatkan fahaman tentang bidang penyelidikan masing-masing jelas memperlihatkan dapatan dan penemuan baharu dalam dunia keilmuan. Kajian tentang bidang bahasa dan sastra ditemukan dalam satu buku lantaran kedua-duanya saling bergandingan dalam melengkapkan dan memantapkan korpus kesarjanaan.

Buku ini bukan sekadar menyuguhkan penelitian terhadap teks, pendekatan, teori, kerja lapangan, dan analisis yang kritis bahkan turut memperoleh percambahan idea daripada pencapahan bidang penyelidikan. Kecenderungan para pengkaji dalam menghidangkan khalayak dengan rangkaian maklumat menawarkan manfaat yang berguna untuk lapisan masyarakat pembaca.

Kata Kunci: Sastra Melayu, bahasa, retorik, semantik, puisi Melayu

BAHASA & SASTERA

dalam Lingkaran Kehidupan

Editor
Sharil Nizam Sha'ri
Kamariah Kamarudin
Ernawita Atan



Penerbit
UTHM

BAHASA & SASTERA

dalam Lingkaran Kehidupan

BAHASA & SASTERA

dalam Lingkaran Kehidupan

Editor
Sharil Nizam Sha'ri
Kamariah Kamarudin
Ernawita Atan



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Editor: Sharil Nizam Sha'ri, Kamariah Kamarudin, Ernawita Atan

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 8698 / 8529

No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com

<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:

ATTIN PRESS SDN. BHD. (595562-M)

No 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor, Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-8939 0660

E-mel: attinpress@gmail.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-179-7

Kandungan

Prakata		ix
Bab 1	Ekspresi Masyarakat dalam Cerita Rakyat Pahang <i>Azie Azmi, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Arba'ie Sujud</i>	1
Bab 2	Pengaruh Motivasi dalam Kalangan Murid yang Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua <i>Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam</i>	15
Bab 3	Teknik PDPIPS dalam Teks Pidato Bertemakan Peribahasa Melayu <i>Norazlina Mohd Kiram</i>	41
Bab 4	Pemerolehan Semantik dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah Menggunakan Lagu dan Cerita Kanak-kanak dalam Youtube <i>Zaitul Azma Zainon Hamzah, Kamariah Kamarudin, Pabiyah Toklubok@Haji Maming, Ida Baizura Bahar, Haliza Abdul Rahman & Nor Shahila Mansor</i>	69

Bab 5	Penguasaan Imbuhan dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil <i>Kamaleswari Paramasivam, Gayatri Marimutho, Rohaidah Kamaruddin, Veeramohan Veeraputhran, & Omrah Hassan @Hussien</i>	93
Bab 6	Keris Menurut Perspektif Sarjana Kolonial <i>Muzaffar Mohd Zafri, Rahimah Hamdan, Arba'ie Sujud & Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad</i>	111
Bab 7	Kajian Tinjauan Kepercayaan Guru Bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu dan Melayu Islam Beraja terhadap Penyerapan dan Amalan Nilai Murni <i>Rozaiman Makmun, Roslina Abu Bakar, Abu Bakar Hj Madin, Sri Kartika Hj Abd Rahman & Noradinah Hj Jaidi</i>	129
Bab 8	Kerancuan Bahasa dalam Program Hiburan di Televisyen <i>Siti Hajar Bidin & Ernawita Atan</i>	161
Bab 9	Fakta Tumbuhan dalam Kumpulan Puisi <i>Tentang Hati</i> Berdasarkan Perspektif Estetika <i>Rabiatul Nur Naajwa Hassan, Arba'ie Sujud & Rahimah Hamdan</i>	181
Bab 10	Garapan Idea bagi Pembayang dan Maksud Pantun Melayu dalam Lagu <i>Sharil Nizam Sha'ri & Roziah Ibrahim</i>	199
Bab 11	Penelitian Makna <i>Tengin</i> dalam Dialek Utara <i>Zul Hanis Yop Othman, Sharil Nizam Sha'ri, Adi Yasran Abdul Aziz & Salina Husain</i>	207
Bab 12	Sosok Ibu Menurut Perspektif Islam dalam Novel <i>Ibu</i> dan <i>Air Mata Ibu</i> <i>Nurul Najehan Azarudin & Kamariah Kamarudin</i>	239

Bab 13	Elemen Sikap Dominan dalam Penguasaan Bahasa Melayu Murid SJKT di Tingkatan 1 <i>Gayatri Marimothu, Kamaleswari Paramasivam, Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Veeramohan Veeraputhran</i>	263
Bab 14	Kesantunan Bahasa Pesakit Autisme dalam Filem <i>My Name is Khan</i> <i>Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Nur Akmal Rosli, Nur Afifah Izzaty Ali & Shahrul Azzim Abd Aziz</i>	289
BAB 15	Penggunaan Teknik Retorik dalam Penulisan <i>Hikayat Hang Tuah</i> <i>Muhammad Nur Akmal Rosli, Rohaidah Kamaruddin & Gayatri Marimotho</i>	323
Bab 16	Strategi Pembacaan dalam Kalangan Murid Sekolah <i>Mohd Ashri Ismail, Sharil Nizam Sha'ri & Wan Muhammad Wan Sulong</i>	347
Bab 17	Penelitian Aspek Kognitif terhadap Potensi dan Prospek Kerjaya Bidang Bahasa dan Linguistik Melayu <i>Zuraini Jusoh, Rozita@Radhiah Said & Norazlina Hj. Mohd Kiram</i>	355
Bab 18	Pengaruh Ektralinguistik Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Mahasiswa IPTA <i>Nurul Ain Ahmad, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri</i>	373
Bab 19	Keresahan Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Kedua <i>Nadia Shuhada Abdan Nasir, Lee Yin Chin & Vijayaletchumy Subramaniam</i>	381
Bab 20	Manifestasi Keintelektualan Hati Budi Melayu melalui Puisi Melayu Lama <i>Rozita Che Rodi</i>	405

Bab 21	Kedudukan Partikel dalam Bahasa Melayu: Analisis Sintaksis <i>Burhan Murshidi Baharon, Sharil Nizam Sha'ri, Rohaidah Kamaruddin & Nasrun Alias</i>	431
Bab 22	Syair Dagang Adanya: Pengembaraan Seorang Sufisme <i>Mohd Muhaimi Abdul Rahman & Salmah Jan Noor Muhammad</i>	455
Biodata Penulis		481
Indeks		489

Prakata

*B*uku *Bahasa dan Sastra dalam Lingkaran Kehidupan* ini mengandungi 22 bab yang dihasilkan oleh barisan pengkaji dalam bidang kepakaran masing-masing. Berdasarkan kajian jelas menunjukkan bahawa bahasa dan sastra amat signifikan dalam memenuhi tuntutan kehidupan yang sarat cabaran. Malahan dengan kepelbagaian kajian yang dihidangkan dapat menyerlahkan keupayaan pengkaji dalam memahami dunia keilmuan untuk dikongsi dengan khalayak pembaca.

Bab 1 bertajuk “Ekspresi Masyarakat dalam Cerita Rakyat Pahang” hasil kajian Azie Azmi, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Arba’ie Sujud. Kajian ini memperlihatkan analisis ekspresi masyarakat dalam cerita rakyat Pahang berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu yang dibangunkan oleh Hashim Awang. Kajian ini berfokus kepada tiga judul cerita rakyat yang terkandung dalam teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia, iaitu cerita rakyat berjudul ‘Seuncang Padi’, ‘Takar Emas’, ‘Asal Nama Negeri Pahang’, ‘Cincin Permata Biru’, ‘Raja dengan Tiga Orang Pencuri’ dan ‘Kapal Menjadi Batu’. Berdasarkan kajian jelas menunjukkan bahawa terdapatnya ekspresi dari aspek ekonomi dan aspek kepimpinan dalam cerita rakyat Pahang.

Selanjutnya, Bab 2 berjudul “Pengaruh Motivasi dalam Kalangan Murid yang Mempelajari Bahasa Melayu sebagai

Bahasa Kedua”. Kajian ini hasil tulisan Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam. Kajian ini memperihalkan tentang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, motivasi merupakan satu elemen yang amat penting, murid akan mengambil pelbagai usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang menyeronokkan. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, murid-murid telah menunjukkan jenis motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dapatan kajian dalam motivasi intrinsik menunjukkan murid-murid minat dalam mata pelajaran bahasa Melayu jika kerja berkumpulan dengan rakan-rakan merupakan motivasi intrinsik yang paling menyerlah. Di samping itu, murid-murid bersemangat jika diberikan hadiah oleh guru merupakan motivasi ekstrinsik yang paling tinggi dipersetujui oleh murid-murid.

Bab 3 pula bertajuk “Teknik PDPIPS dalam Teks Pidato Bertemakan Peribahasa Melayu” hasil tulisan Norazlina Mohd Kiram. Tulisan ini mengajukan mengenai teknik PDPIPS berdasarkan enam komponen, iaitu Pengenalan (P), Definisi (D), Pendirian (P), Isi (Isi), Penutup (P) dan Saranan (S). Data kajian diambil daripada sebuah teks pidato yang bertajuk, “Kegemilangan Ilmu Teras Keunggulan Bangsa”. Teks ini telah diuji dalam Pertandingan Gegar Pidato Piala Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) 2019 dan telah memenangi hadiah naib johan pada peringkat kebangsaan. Hasil analisis menunjukkan bahawa pada bahagian Pengenalan (P), teks pidato dimulakan dengan lafaz kalimah bahasa Arab, “*Bismillahirrahmanirrahim*” (Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani) yang memberikan manfaat kepada umat manusia. Seterusnya diikuti dengan ucapan salam dan saluti sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kepada khalayak. Pemidato juga memetik kata-kata sarjana berkaitan dengan ilmu yang selari dengan tajuk pidato, iaitu “Kegemilangan Ilmu Teras Keunggulan Bangsa”.

Seterusnya, Bab 4 berjudul “Pemerolehan Semantik dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah Menggunakan Lagu dan Cerita Kanak-kanak dalam Youtube”, hasil tulisan Zaitul Azma Zainon Hamzah, Kamariah Kamarudin, Pabiyah Toklubok@Haji Maming, Ida Baizura Bahar, Haliza Abdul Rahman & Nor Shahila Mansor. Kajian menjurus kepada tahap pemerolehan semantik kanak-kanak prasekolah yang menggunakan lagu dan cerita kanak-kanak dalam YouTube. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian berdasarkan sampel yang terdiri daripada 50 orang kanak-kanak. Bahan kajian terdiri daripada dua cerita kanak-kanak, tiga lagu kanak-kanak dan dua filem animasi yang dimuat turun daripada YouTube. Dapatan kajian ini telah memperlihatkan perkembangan semantik, iaitu penguasaan perkataan sinonim, antonim dan hiponim dalam kalangan kanak-kanak adalah tidak sama tahap. Oleh itu, perlulah diwujudkan persekitaran linguistik yang lebih sesuai untuk kanak-kanak meningkatkan lagi pemerolehan semantik selain penggunaan lagu dan cerita kanak-kanak dalam YouTube. Kajian ini telah dibiayai oleh dana geran penyelidikan GIPP - Geran Insentif Penyelidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran (Membantu Proses Pembelajaran Kanak-Kanak Melalui Karya Sastera dan Sumber Alam dalam Teknologi), Universiti Putra Malaysia.

Bab 5 pula mengajukan tentang “Penguasaan Imbuhan dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.” Kajian ini dilakukan oleh Kamaleswari Paramasivam, Gayatri Marimutho, Rohaidah Kamaruddin, Veeramohan Veeraputhran, & Omrah Hassan @Hussien. Tulisan ini mengutarakan kemahiran menulis dianggap paling sukar untuk dikuasai. Kemahiran menulis merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh semua murid kerana melibatkan membina ayat sebagai salah satu aspek penting dalam penguasaan bahasa Melayu. Membina ayat merupakan salah satu aspek penting dalam kemahiran menulis dalam bahasa Melayu. Banyak kajian yang telah dijalankan tentang kesalahan penggunaan imbuhan dalam

penulisan. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa ramai pelajar menghadapi masalah dalam penulisan terutamanya dalam pembinaan ayat yang gramatis. Kegagalan murid menulis ayat yang gramatis menyebabkan mereka gagal menulis satu karangan yang berkualiti. Memang tidak dinafikan bahawa penulisan karangan dalam kalangan murid-murid SJKT berada pada tahap yang lemah. Berdasarkan kajian lepas membuktikan bahawa murid-murid melakukan kesilapan dalam aspek morfologi secara luas.

Muzaffar Mohd Zafri, Rahimah Hamdan, Arba'ie Sujud & Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad dalam Bab 6 pula mengutarakan tajuk “Keris Menurut Perspektif Sarjana Kolonial”. Tulisan ini memperkatakan tentang kajian-kajian mengenai keris pada era kolonial yang menjadi asas kepada kajian keris pada masa kini. Rentetan itu, kajian daripada sarjana kolonial akan diketengahkan bagi meneliti skop atau tema kajian mengenai keris serta kecenderungannya ketika era kolonial. Dalam pelbagai kajian yang dijalankan mengenai keris, terdapat beberapa jenis tema kajian yang cenderung kepada aspek yang sama ketika era kolonial, iaitu kajian mengenai sejarah, latar belakang dan kepercayaan terhadap keris. Antara faktor utama yang mempengaruhinya adalah cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu pada ketika itu. Keris merupakan senjata yang sangat berkait rapat dengan masyarakat Melayu dan hal ini menarik minat sarjana kolonial untuk menjalankan penyelidikan yang lebih terperinci terhadap senjata istimewa masyarakat Melayu tersebut. Sarjana kolonial bukan sahaja meneliti mengenai sifat fizikal keris tetapi sifat bukan fizikal keris turut mendapat perhatian kerana pengkaji berpandangan bahawa sebahagian masyarakat beranggapan keris memiliki ilmu magis serta mampu memberikan semangat kepada seseorang.

Menerusi Bab 7 berkaitan tentang “Kajian Tinjauan Kepercayaan Guru Bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu dan Melayu Islam Beraja terhadap Penyerapan dan Amalan Nilai Murni” dihasilkan oleh Rozaiman Makmun, Roslina

Abu Bakar, Abu Bakar Hj Madin, Sri Kartika Hj Abd Rahman & Noradinah Hj Jaidi. Kajian ini mengajukan mengenai Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1985. Menyedari hakikat itu, bermula pada tahun 1992 mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) diperkenalkan sebagai salah satu mata pelajaran dalam kurikulum sekolah-sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam. Malah dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (seterusnya SPN21), mata pelajaran tersebut dijadikan sebagai mata pelajaran teras bermula pada tahun 2012 di peringkat Tahun 7 hingga Tahun 11 (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2011: 2). Inisiatif ini diputuskan kerana MIB merupakan mata pelajaran yang diyakini mengandungi pemupukan nilai murni dan akhlak terpuji. Isi kandungan mata pelajaran MIB turut diperbaiki dan dikemas kini mengikut keperluan negara bagi menghadapi cabaran dan kemajuan alaf baharu.

Seterusnya Bab 8 bertajuk, “Kerancuan Bahasa dalam Program Hiburan di Televisyen”, hasil tulisan Siti Hajar Bidin & Ernawita Atan memperkatakan tentang penggunaan bahasa Melayu dalam program-program hiburan di televisyen, fenomena ini juga tidak dapat dielakkan. Peranan televisyen dalam penyebaran bahasa Melayu yang betul adalah sangat penting kerana golongan muda mudah terikut-ikut dengan apa yang disajikan kepada mereka. Jika medium televisyen melalui program-program hiburan ini terus-menerus menggunakan bahasa yang salah, maka apakah yang akan berlaku terhadap masa depan bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Malaysia. Fenomena globalisasi dan perkembangan teknologi terutamanya dalam bidang komunikasi dan penyiaran hari ini memberi kesan yang mendalam dalam penggunaan bahasa Melayu terutamanya kepada generasi muda. Istilah kerancuan bahasa merupakan istilah yang paling tepat untuk menggambarkan penggunaan bahasa Melayu yang salah dalam program-program hiburan di televisyen. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dilihat kian terancam dengan penggunaan bahasa

yang tidak betul dan bercampur aduk. Kerancuan bahasa atau percampuran kod turut dikenali sebagai pencemaran bahasa yang berlaku dalam masyarakat hari ini.

Bab 9 hasil tulisan Rabiatul Nur Naajwa Hassan, Arba'ie Sujud & Rahimah Hamdan bertajuk "Fakta Tumbuhan dalam Kumpulan Puisi tentang Hati Berdasarkan Perspektif Estetika". Kajian ini membincangkan mengenai puisi ialah persembahan idea seseorang penyair terhadap cerapan alam sekeliling yang diterjemah dalam bentuk kata-kata. Setiap penyair berusaha menghantar keindahan dalam puisi-puisinya. Keindahan tidak hanya tertumpu kepada bahasa, pemikiran, tema tetapi juga keindahan terhadap kesahihan idea, perkara atau hal yang diungkapkan. Bagaimana keseluruhan idea yang dijelmakan itu memberi kesan keindahan. Menerusi kebenaran, kesahihan dan pembuktian terhadap apa yang diperkatakan itulah, sedikit sebanyak memberi sentuhan kepada keindahan. Hal ini seiring dengan ciri-ciri yang terdapat pada fakta, iaitu benar dan boleh dibuktikan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, PRPM). Justeru, sesuatu perkara yang berlandaskan kepada pembuktian sudah tentu dapat mempamerkan estetikanya.

Selanjutnya Sharil Nizam Sha'ri dan Roziah Ibrahim dalam Bab 10, iaitu "Garapan Idea Bagi Pembayang dan Maksud Pantun Melayu dalam Lagu" memperihalkan tentang idea bagi pembayang dan maksud pantun Melayu dalam lagu bukan dicipta dengan sesuka hati kerana jelas menonjolkan aspek idea tentang alam semula jadi, meningkatkan pemilihan kata yang indah dan tepat, penonjolan idea mencipta pantun dan kemahiran berbahasa indah dapat dibuktikan melalui pantun Melayu dalam lagu. Hal ini sejajar dengan penonjolan idea mencipta pantun dan kemahiran berbahasa indah dapat dibuktikan melalui pantun Melayu dalam lagu. Hal ini membuktikan pendekatan ekolinguistik pementap pantun Melayu dalam lagu. Kajian ini mengungkapkan pendekatan ekolinguistik yang berbeza dengan kajian pantun selama ini, dapat memberikan pengisian keserjanaan tentang pantun

Melayu dengan dunia persekitaran yang berlaku dan linguistik yang berkembang diujarkan oleh penutur dan para peminat pantun. Penyelidikan ini telah dijalankan menggunakan Geran Mikro, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia 2023 yang telah diluluskan dananya untuk tajuk penyelidikan “ Garapan Idea Dan Pemilihan Kata Bagi Pembayang dan Maksud Pantun Melayu dalam Lagu”, dengan nombor projek 6310100 - 11201.

Bab 11 bertajuk “Penelitian Makna *Tengin* dalam Dialek Utara”, hasil tulisan Zul Hanis Yop Othman, Sharil Nizam Sha’ri, Adi Yasran Abdul Aziz & Salina Husain. Bab ini membincangkan kajian lapangan yang memilih data melalui cara penandaan yang melibatkan entri, subentri dan frasa yang berlabel dialek Utara, iaitu yang merangkumi Negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak dalam KD4. Kajian kepustakaan juga melibatkan penelitian perbezaan pentakrifan makna yang terkandung dalam KD4 dan semua bahan bertulis yang berhubungan dengan kajian. Kajian yang dilakukan ini melibatkan sebanyak 30 orang informan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Bandar Baru Selayang, Selangor menggunakan kaedah temu bual dan rakaman audio. Entri bersinonim yang terpilih daripada data korpus diperoleh daripada Sistem Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan dianalisis menggunakan Teori Analisis Komponen Makna yang diasaskan oleh Eugene A. Nida (1975). Oleh yang demikian, kajian ini hanya dibataskan penelitian makna entri DU *tingin* yang terkandung dalam KD4.

Selanjutnya Bab 12 bertajuk, “Sosok Ibu Menurut Perspektif Islam dalam Novel *Ibu* dan *Air Mata Ibu*” hasil tulisan Nurul Najehan Azarudin & Kamariah Kamarudin. Kajian ini menganalisis dua buah novel, iaitu *Ibu* hasil karya Rashid Ngah dan *Air Mata Ibu* tulisan Soo Cam. Pengkaji meneliti sosok ibu menurut perspektif Islam berdasarkan beberapa pengkelasan, iaitu ibu yang berkorban demi anak, ibu yang mementingkan pendidikan anak, ibu yang memerlukan

kasih-sayang anak, ibu yang mencurahkan kasih-sayang anak, dan ibu yang bersabar dengan anak. Berdasarkan kajian jelas menunjukkan bahawa kedua-dua buah novel memperihalkan keempat-empat pengkelasan tersebut dalam menggalurkan sosok ibu yang dapat dijadikan panduan dan pedoman kepada pembaca. Kedua-dua buah novel ini telah menyerlahkan keupayaan pengarang dalam membangunkan sosok ibu sejajar dengan tuntutan agama yang dapat membawa iktibar kepada generasi muda.

Bab 13 berjudul “Elemen Sikap Dominan dalam Penguasaan Bahasa Melayu Murid SJKT di Tingkatan 1”, hasil kajian dilakukan oleh Gayatri Marimothu, Kamaleswari Paramasivam, Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Alif Redzuan Abdullah & Veeramohan Veeraputhran. Kajian ini berkisar tentang komponen sikap merupakan salah satu komponen yang penting dalam memupuk motivasi terutamanya dalam menguasai bahasa kedua. Gardner berjaya membangunkan “Model Gardner Sosio-educational SLA” dan telah membahagikan sikap kepada tiga komponen asas, iaitu kognitif, afektif dan konatif. Kognitif didefinisikan sebagai paras pengetahuan dan keupayaan menggunakan pelbagai pengetahuan dan keupayaan murid-murid dalam memahami dunia sekitar mereka. Dalam aspek kognitif, proses pembentukan konsep, penyelesaian masalah dan penaklukan ilmu. Elemen kognitif adalah berkaitan dengan kepercayaan seseorang terhadap bahasa, elemen afektif pula melibatkan reaksi secara emosi terhadap kepercayaan dan konatif apabila melibatkan kelakuannya terhadap kepercayaan tersebut (Eiko Ushida 2005: 50-51). Faktor persepsi dan kepercayaan boleh mempengaruhi elemen konatif atau tindak balas murid terhadap proses pembelajaran. Jika ditelusuri, elemen afektif memainkan peranan penting dalam proses penguasaan bahasa kedua dalam kalangan murid-murid India di Tingkatan 1.

Seterusnya Bab 14 bertajuk, “Kesantunan Bahasa Pesakit Autisme dalam Filem *My Name is Khan*” hasil tulisan Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Nur Akmal Rosli, Nur

Afifah Izzaty Ali & Shahrul Azzim Abd Aziz. Kajian ini mengenal pasti kesantunan bahasa pesakit autisme dalam filem *My Name Is Khan* menggunakan Prinsip Kesopanan Leech (1983) sebagai landasan teori. Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif, iaitu kaedah pemerhatian dan analisis kandungan teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa Khan mematuhi kesemua maksim PK Leech (1983) dan maksim paling kerap digunakan ialah maksim persetujuan sebanyak 24 kali (24.2%). Secara keseluruhannya, kajian membuktikan bahawa pesakit autisme turut tidak terkecuali mengamalkan kesantunan bahasa dalam pertuturan harian. Melalui ujaran yang diutarakan oleh Khan dalam filem yang dipilih menunjukkan bahawa pesakit autisme juga mengelakkan konflik dengan menyantuni orang lain dalam berbahasa.

Bab 15 selanjutnya bertajuk “Penggunaan Teknik Retorik dalam Penulisan *Hikayat Hang Tuah*”, hasil kajian Muhammad Nur Akmal Rosli, Rohaidah Kamaruddin & Gayatry Marimotho. Kajian ini mengenal pasti teknik retorik penulisan dan membincangkan kekerapan penggunaannya dalam *Hikayat Hang Tuah*. Kajian dijalankan berdasarkan Teori Retorik Moden (1993) oleh Enos & Brown. Kajian mendapati bahawa penulis *Hikayat Hang Tuah* menunjukkan kreativitinya dalam menerapkan teknik retorik dalam berkarya kerana bahasa yang digunakan sopan dan mudah difahami serta dapat menarik minat pembaca. Akhir sekali, teknik penulisan dan pemikiran penulis *Hikayat Hang Tuah* yang sangat bijak dan kritis dapat menghasilkan sebuah karya kreatif yang sangat berkualiti. Oleh itu, jelaslah bahawa penerapan retorik penulisan sangat efisien dalam penghasilan *Hikayat Hang Tuah* serta menunjukkan bahawa penulis hikayat tersebut sangat arif dan kreatif dalam penulisannya.

Seterusnya Bab 16, “Strategi Pembacaan dalam Kalangan Murid Sekolah” dihasilkan oleh Mohd Ashri Ismail, Sharil Nizam Sha’ri & Wan Muhammad Wan Sulong. Kajian ini menganalisis mengenai kemahiran membaca merupakan satu aspek yang penting dalam meningkatkan penguasaan murid

untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Penguasaan kemahiran membaca dalam diri seseorang murid membolehkan mereka dapat memahami bahan bacaan yang dibaca dengan baik. Namun, kelemahan terhadap penguasaan membaca berlaku dalam kalangan murid di peringkat rendah sehinggalah ke peringkat menengah pada hari ini. Hasil dapatan kajian yang dijalankan pengkaji terdahulu yang menjalankan kajian di sekolah menunjukkan kelemahan pelajar menguasai kemahiran membaca menyebabkan mereka sukar memahami apa yang dipelajari di dalam kelas. Hal ini berlaku bukan sahaja terhadap murid Melayu bahkan masalah ini turut berlaku dalam kalangan murid bukan Melayu terutama murid kaum Cina dan India khususnya yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan. Perkembangan masalah kemahiran membaca bukan terhenti di sekolah rendah tetapi masalah ini terus berlarutan ke peringkat sekolah menengah apabila semua murid aliran sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan akan meneruskan pembelajaran ke arus perdana di peringkat sekolah menengah kebangsaan.

“Penelitian Aspek Kognitif Terhadap Potensi dan Prospek Kerjaya Bidang Bahasa dan Linguistik Melayu” dalam Bab 17 dilakukan oleh Zuraini Jusoh, Rozita@Radhiah Said & Norazlina Hj. Mohd Kiram. Kajian ini memperihalkan tentang dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang dikaji, iaitu dalam kalangan pelajar program Bachelo Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia mempunyai kefahaman dan pengetahuan terhadap potensi dan prospek kerjaya dalam bidang pengajian mereka. Seterusnya, penelitian yang lebih rinci dilakukan untuk mendapatkan maklumat terhadap sejauh mana pengetahuan dan kefahaman mereka ini dan mengetahui kerjaya yang benar-benar berkaitan dalam bidang bahasa dan linguistik Melayu. Analisis terhadap item yang mengukur aspek kognitif ini mendapati terdapat dalam kalangan pelajar yang mempunyai persetujuan yang rendah kepada item tertentu. Oleh itu, penelitian yang lebih lanjut perlu dilakukan agar

jelas dan tindakan susulan boleh diambil untuk menyelesaikan masalah ketidakyakinan terhadap bidang bahasa dan linguistik Melayu ini dalam kalangan pelajarinya.

Seterusnya menerusi Bab 18 pula bertajuk “Pengaruh Ekstralinguistik Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Mahasiswa IPTA”. Kajian ini dilakukan oleh Nurul Ain Ahmad, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha’ri. Kajian ini berkisar kajian ini amat penting kepada pelajar kerana secara tidak langsung memberi penjelasan yang lebih jitu pengaruh ekstralinguistik yang mempengaruhi mereka. Kajian ini penting selaras dengan inspirasi negara untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu melalui dasar bahasa kebangsaan. Pengkaji telah mengenal pasti kewujudan faktor ekstralinguistik bahasa dalam penyelidikan ini merangkumi pemboleh ubah motivasi, emosi dan sikap. Keadaan ini amat penting supaya para pelajar terutamanya pelajar yang lemah dapat menguasai dengan lebih cepat dan berkesan sejajar dengan perkembangan pendidikan di negara kita pada hari ini. Walaupun pelajar di luar bandar seperti di Kelantan menggunakan dialek dalam perbualan harian, namun bahasa Melayu amat penting kerana wajib lulus untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Bab 19 berjudul “Keresahan Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Kedua”, hasil kajian Nadia Shuhada Abdan Nasir, Lee Yin Chin & Vijayaletchumy Subramaniam. Tulisan ini memperihalkan punca dan tanda-tanda keresahan pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua serta mencadangkan strategi untuk mengatasi masalah keresahan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bilangan pelajar paling tinggi adalah menguasai bahasa Melayu pada tahap asas dan tahap keresahan pelajar paling banyak adalah pada tahap sederhana. Punca keresahan utama pelajar dalam mempelajari bahasa kedua adalah disebabkan oleh ragu-ragu dengan perkataan yang digunakan dan risau terhadap kesalahan struktur ayat atau kesalahan tatabahasa. Dapatan kajian ini memberi impak kepada guru-guru dan ibu bapa untuk mengambil langkah

efisien dalam membantu pelajar dan anak-anak mereka mengatasi keresahan agar mereka mampu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan baik.

Bab 20 seterusnya membicarakan tentang “Manifestasi Keintelektualan Hati Budi Melayu melalui Puisi Melayu Lama”, hasil tulisan Rozita Che Rodi. Kajian ini meneliti pepatah, peribahasa dan pantun yang mengandungi ayat-ayat atau frasa-frasa yang padat, berentak dan berirama dari segi bunyi, indah dan menarik dari segi penggunaan perkataan, perlambangan dan maknanya dan persis serta padat dari segi mesej dan amanatnya, iaitu sama ada dengan mesej nasihat dan tunjuk ajar, mesej teguran dan larangan ataupun mesej pernyataan madah dan hikmah. Berdasarkan kajian jelas menunjukkan bahawa pengalaman praktikal dalam lingkaran hidup mencerminkan keintelektualan, kebijaksanaan, persepsi, sikap, sifat dan falsafah hidup masyarakat itu dan boleh dianggap sebagai asal usul keintelektualan hati budi Melayu.

Bab 21 berkisar tentang tajuk “Kedudukan Partikel dalam Bahasa Melayu” oleh Burhan Murshidi Baharon, Sharil Nizam Sha’ri & Rohaidah Kamaruddin. Kajian ini memperihalkan tentang mempelajari kedudukan partikel dalam bahasa Melayu terdapat perbezaan mengenai partikel daripada tokoh-tokoh nahu tempatan dan luar negara dari segi definisi dan fungsinya. Perbezaan antara Asmah Haji Omar dalam *Tatabahasa Dewan* dengan Za’ba dalam *Pelita Bahasa*. Hal ini dikatakan demikian kerana Asmah Haji Omar menghuraikan secara lebih menyeluruh berkonsepkan partikel penjelasan, partikel penegas dan pemerian.

Bab 22 bertajuk “Syair Dagang Adanya: Pengembaraan Seorang Sufisme”, hasil tulisan Mohd Muhaimi Abdul Rahman & Salmah Jan Noor Muhammad. Kajian ini memperkatakan tentang kandungan prinsip kepercayaan atau tasawuf yang digunakan dalam puisi Melayu, iaitu *Syair Dagang*. Prinsip ini melibatkan konsep ketuhanan,

konsep keduniaan dan konsep untuk mendekatkan diri kepada Tuhan. Kajian mendapati bahawa; Pertama, *Syair Dagang* menceritakan tentang pengembaraan seorang sufi yang diriwayatkan sebagai Dagang. Kedua, Hamzah Fansuri memandang dunia hanya sebagai tempat persinggahan yang sementara dan akhiratlah tempat yang kekal abadi. Ketiga, Hamzah Fansuri mengetengahkan pelbagai cara untuk mendekatkan diri dengan Tuhan seperti reda dengan ketentuan Allah SWT, sentiasa menyebut kalimah *Lailahaillah*, berpegang teguh dengan al-Quran dan sunah, menjaga akhlak dan perilaku dan berpegang teguh dengan kebenaran dan mencegah kemungkaran.

Demikian kupasan 22 bab yang ditampilkan dalam buku *Bahasa dan Sastera dalam Lingkaran Kehidupan*. Mudah-mudahan dapat membangkitkan jiwa pembaca agar memperoleh selautan ilmu yang akan memandu arah dalam penyelidikan, belajar langgam kelemahan selain menambah kecintaan kepada bahasa dan sastera. Selamat menelaah dan menghayatinya!

Salam takzim;

Sharil Nizam Sha'ri

Kamariah Kamarudin

Ernawita Atan.

Jabatan Bahasa Melayu,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,

Universiti Putra Malaysia.



Bab 1

Ekspresi Masyarakat dalam Cerita Rakyat Pahang

Azie Azmi, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Arba'ie Sujud
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Secara umumnya, cerita rakyat merupakan genre sastra tradisional yang disebarkan secara lisan pada peringkat awal. Kini, cerita rakyat sudah diperkenalkan kepada masyarakat secara tulisan. Fungsinya yang mendidik masyarakat dalam pelbagai aspek menjadikan cerita rakyat semakin dekat dengan masyarakat terutama kanak-kanak. Kreativiti yang ditampilkan oleh pengarang menarik minat kanak-kanak untuk membaca cerita rakyat. Misalnya, unsur intelektual yang terkandung dalam cerita rakyat disampaikan secara bersahaja mampu menarik minat kanak-kanak. Adunan cerita yang dihasilkan oleh pengarang juga membuat kanak-kanak berfikir untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah mereka dengan baik. Misalnya, cerita rakyat yang memaparkan kebijaksanaan masyarakat dari aspek ekonomi memberi didikan kepada kanak-kanak untuk mengurus kehidupan dengan baik.

Dalam konteks kehidupan, ekonomi menjadi sumber yang penting dalam meneruskan kelangsungan hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana cabaran masyarakat dahulu hanya soal bagaimana meneruskan hidup (Aripin Said, 1996: 15). Masyarakat dahulu hanya fokus kepada pekerjaan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup. Oleh itu, pelbagai langkah yang diambil oleh masyarakat tradisi

Penghargaan kepada Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah-Muzium Pahang

Bibliografi

- Aripin Said. (1996). Prosa Warisan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hadijah Rahmat. (2006). Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (Februari, (1993). Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air. Dewan Sastera. 1990/1991.
- Hashim Awang. (1988). Kritikan Kesusasteraan Teori dan Penulisan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang et al. (1998). Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru. Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh dan Aripin Said. (2010). Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Roslina Abu Bakar. (2014). Interaksi Sosial dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Usman Awang et al. (2016). Peranan Intelektual. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.



Bab 2

Pengaruh Motivasi dalam Kalangan Murid yang Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua

Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletgumy Subramaniam
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr. Radzi Jidin menerusi akhbar dalam talian Berita Harian TV, pemansuhan UPSR akan digantikan dengan memperkasa secara menyeluruh Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), (Amir, 2021). Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan pentaksiran bersifat holistik dengan menilai aspek afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan kognitif (intelekt) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang melibatkan empat komponen, iaitu Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Psikometrik (PPsi) Sukan & Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Dalam pada itu, PBD pula merupakan pentaksiran sepanjang PdP semua mata pelajaran yang berlaku secara berterusan. PBD bertujuan untuk melihat perkembangan kemajuan murid dalam pembelajaran di samping membantu guru menambah baik pengajaran mereka dan bukan untuk membandingkan tahap penguasaan antara seorang murid dengan murid yang lain. Pentaksiran Bilik Darjah amat penting dalam membantu guru merancang dan mengubahsuai kaedah pengajaran mereka, mengesan perkembangan murid secara holistik, dapat mengenal pasti kelemahan dan kelebihan murid dalam pembelajaran, mengambil sesuatu tindakan susulan secara terus dan sesuai serta menilai keberkesanan pengajaran.



Penghargaan


Pengkaji ingin merakamkan penghargaan kepada warga SJK(T) Ladang Highlands terutama Guru Besar atas sokongan dan kerjasama yang diberikan kepada pengkaji sepanjang penyempurnaan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada guru-guru dan murid-murid tahun 6 SJK(T) Ladang Highlands.

Bibliografi

- Gilakjani, A. P., Leong, L.-M., & Sabouri, N. B. (2012). A study on the role of motivation in foreign language learning and teaching. *International Journal of Modern Education and Computer Science*, 7, 9–16. <https://doi.org/10.5815/ijmecs.2012.07.02>
- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali. (2016). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka . *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8 (2), 1-10.
- Maslow, A. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 430–437.
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. (2019). Faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*. 7(3), 23-30.
- Amat Ujali Lan & Ismail Afferro, (2016, September 19-20). *Minat Pelajar dalam Subjek Matematik Sekolah Rendah Daerah Pontian* [Sesi Konferens]. Seminar Pendidikan Johor, Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/313565119_Minat_Pelajar_dalam_Subjek_Matematik_Sekolah_Rendah_Daerah_Pontian

- Amir Abd Hamid (2021, April 28). UPSR dimansuhkan, PT3 tahun ini batal, Metrotv. Bahan diakses pada 16 Mei 2021, daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/04/700013/upsr-dimansuhkan-pt3-tahun-ini-batal-metrotv>
- Arham Abdullah, Baharin Mesir, Ahmad Muhaimin Mohamad, (2006, Ogos 8-9). *Faktor-faktor Yang Menyumbang Kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia* [Sesi Konferens]. National Student Development Conference (NASDEC), Malaysia. http://eprints.utm.my/id/eprint/458/1/ArhamAbdullah2006_FaktorFaktoryangMenyumbangke.pada.pdf
- Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman & Lilia Halim. (2011). Physical and psychosocial aspects in science laboratory learning environment. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 9 (2010), 87–91.
- Cynthia, C. P., & Collen, H. D. (2004). The Power Of The Positive : Leisure And Well- being. *Therapeutic Recreation Journal*, 38(2), 225-245.
- David, A. & Anderzej, A. (2010). *Organisational Behaviour* (7th ed). Pearson.
- Djamarah, S. B. (2011). *Psikologi belajar*. Rineka Cipta.
- Dorney Z. (1994). Motivation and Motivating in the foreign language classroom. *Modern Language Journal*, 78, 273-284.
- Ellis, R. (1985). *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford Universiti Press.
- Gardner, R.C. (2005, Mei 30). *Integrative Motivation and Second Language Acquisition* [Sesi Konferens]. Canadian Association of Applied Linguistics/Canadian Linguistics Association Joint Plenary Talk. Kanada.

- Hassan Omar (2021, April 28). SJK perlu pertingkat program pembelajaran bahasa Melayu. Berita Harian. Diakses pada 16 Mei 2021, daripada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/11/17073/sjk-perlu-pertingkat-program-pembelajaran-bahasa-melayu>
- Jublin Nanang Saemah & Rahman Shahlan Surat. Motivasi Menggunakan E Pembelajaran dan Pencapaian Sejarah dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4. (2021). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 454-464.
- Julkunen, K. (1989). *Situation and Task-Specific Motivation in Foreign Language Learning and Teaching*. University of Joensuu Press.
- Mohamad Abdillah Royo & Zul Azli Zainun. (2017). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kualiti Keputusan Peperiksaan Dalam Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru. *Universiti Teknologi Malaysia*, halaman 1-11. Dimuat turun daripada: <https://core.ac.uk/download/11786554.pdf>
- Mohamad Firdaus Ahmad, Siti Aida Lamat, S.M.P Sharifah Maimunah, Muhammad Wafi A. Rahman, Nur Dalilah Dahlan, Wahidah Tumijan & Ummi Kalthum Mohd Mokhtar. (2020). Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik dalam kalangan atlet Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 9 (1), 33-41.
- Mohd Asnorhisham Adam & Abdul Rahim Bin Hamdan. (2017). Pendekatan pengajaran secara berkumpulan dalam Program Pemulihan Khas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ;Malay Language Education (MyLEJ)*, 7 (1), 66-73.



Bab 3

Teknik PDPIPS dalam Teks Pidato Bertemakan Bahasa Melayu

Norazlina Mohd Kiram
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Pengucapan umum telah ditulis dan dikaji hampir tiga ribu tahun yang lalu. Pada kebiasaannya, pengucapan umum mempunyai peringkat tertentu dalam penghasilan persembahan. Pada masa ini, pengucapan umum tidak lagi dianggap sebagai satu bentuk hiburan semata-mata tetapi dikaji sebagai satu alat yang berguna untuk menyampaikan perutusan kepada masyarakat. Bidang pengucapan awam merangkumi pelbagai bentuk ucapan seperti ceramah, syarahan, debat, perbahasan, ucapan, pidato dan lain-lain lagi. Pada dasarnya, bidang ini merupakan satu seni persembahan yang tersendiri dan memerlukan kemahiran terutama kemahiran bertutur. Menurut Adnan (1993), pengucapan awam merupakan satu bentuk komunikasi bersemuka yang amat berkesan untuk menyampaikan penerangan atau pemujukan. Apabila kita berkomunikasi, kita sedang berusaha berkongsi idea atau maklumat dengan individu atau orang yang kita berkomunikasi dengannya (Adnan, 1998). Menerusi hubungan ini, pidato ialah tonggak untuk melahirkan masyarakat yang berkeyakinan, berketerampilan, berwibawa dan berkeupayaan dalam penyampaian hujah yang bernas. Oleh sebab itu, pemedato perlu memahami terlebih dahulu keperluan dan tujuan pidatonya. Sebelum menyampaikan pidato, pemedato perlu menyediakan rangka ucapan yang



menyerlahkan peribadi pemedato yang memartabatkan khazanah warisan bangsa seperti pantun dalam Teks 2, iaitu *Walaupun banyak ikan di laut, Di belanga juga yang kita makan; Walaupun banyak teman bergelut, Yang setia juga membela kawan.* Pemedato mengakhiri pidatonya dengan melafazkan ucapan penghargaan, “*Sekian, terima kasih*” kepada khalayak atas kesudian mendengar pidatonya.

Kesimpulan


Teks pidato yang baik perlu dirancang dengan teliti dan rapi agar khalayak mendapat maklumat yang jelas. Oleh itu, pemedato boleh mempraktikkan Teknik PDPIPS dalam penulisan teks pidatonya agar idea dapat disampaikan secara sistematik dan berkesan kepada khalayak. Pada asasnya, Teknik PDPIPS boleh diaplikasikan dalam pelbagai tajuk atau tema pidato. Lebih menarik, teknik ini dapat mengetengahkan kreativiti pemedato melalui penggunaan bunga bahasa yang indah dan menarik seperti kata perbilangan, peribahasa dan pantun. Hal ini dapat meneguhkan lagi penggunaan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu, sekali gus memancarkan peribadi pemedato yang santun berbahasa.

Bibliografi

- Ahmad, A. M.@ Z. (2018). *Komunikasi & Jati Diri*. Serdang: Universiti PutraMalaysia.
- Abadi, S. (2018). *Wujudkan Sudut Pidato di Sekolah*. Utusan Borneo.
- Adnan, M. H. (1998). *Konsep Asas Perhubungan Awam*. Kuala Lumpur: DewanBahasa dan Pustaka.
- Adnan, M. H. (1993). *Teknik Perhubungan Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa danPustaka.

- Graf, A. (2011). Rhetoric and Politics at the International Speech Competitions in Malay Language (PABM). *Journal of Indonesia and the Malay World*: 295-316.
- Kamaruddin, A. (2017). Analisis Kualitatif Terhadap Faktor Kegagalan Komunikasi Pembujukan dalam Konteks Pengucapan Awam. *Jurnal Komunikasi*: 33(3): 89- 106
- Kiram, N. M. (2023). PDPIPS Technique in Malay Language Speech. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 13(4), 1451 – 1461.
- Masri, S. (1997). *Komunikasi Berkesan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Mohd Kiram, N. (2023). PDPIPS Technique in Malay Language Speech. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*: 13 (1): 353-362.
- Md. Yusoff, M. (1993). *Bahasa dan Komunikasi: Satu Tinjauan*. Pelita Bahasa Disember: 36-39.
- Mohd Kiram, N., Raja Ariffin, R. M., & Zakaria, J. (2017). *Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga*. *Akademika*: 87 (92): 77-87.
- Shaari, Rahman. (1993). *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syarifah Novieyana, Marsela Diaz dan Anisyta Fitri Larasati (2021). Pengaruh Keterampilan Komunikasi dan Kepercayaan Diri Terhadap Kemampuan Public Speaking Pada Mahasiswa. *Jurnal Perspektif Adiministrasi dan Bisnis*: 2(12): 73-79.
- Selamat, J., Ismail, K., Ahmad, S. & Rahim, A. M. H. (2014). *Pengucapan Awam Strategi dan Kemahiran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

- Tulangow, S. A., Pandean, M. L., & Karamoy, O. H. (2022). Unsur Kohesi dan Koherensi Pidato Presiden Joko Widodo dalam Menghadapi Pandemi Covid 19 Suatu Analisis Wacana. *Jurnal Elektronik Fakultas Sastra Universitas Sam Ratulangi*, 32.
- Umami, R. (2015). *Penggunaan Kalimat Efektif Pada Teks Pidato Siswa Kelas X Sma Negeri 1 Katibung Lampung Selatan Tahun Pelajaran 2014/2015*. (Tesis Sarjana). Universitas Lampung.



Bab 4

Pemerolehan Semantik dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah Menggunakan Lagu dan Cerita Kanak-kanak dalam Youtube

Zaitul Azma Zainon Hamzah, Kamariah Kamarudin, Pabiyah Haji Maming, Ida Baizura Bahar, Haliza Abdul Rahman & Nor Shahila Mansor
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Semantik ialah kajian saintifik tentang makna bahasa manusia yang memfokus kepada makna perkataan, frasa, ayat dan ungkapan. Semantik juga mengkaji hubungan antara kata dengan rujukan yang meliputi simbol, perkataan, frasa, ayat, ungkapan dan wacana berdasarkan ciri logik dan benar. (Hamzah, 2022).

